

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN
46675 PETALING JAYA

Tel : 03-79563544

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : MBPJ/SH/P/172/2026

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN / PENCUCIAN DAN PENYELENGGARAAN
BANGUNAN PEJABAT UNIT PERKUBURAN DAN KAWASAN TANAH
PERKUBURAN ISLAM SEK. 9 KOTA DAMANSARA, MAJLIS BANDARAYA
PETALING JAYA BAGI TEMPOH 24 BULAN.**

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar :

1. KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) DAN BERALAMAT
DI NEGERI SELANGOR
2. UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)

KOD BIDANG : 221001 - PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN PEJABAT dan
: 221002 - MEMBERSIH KAWASAN

HARGA DOKUMEN : RM100.00

TARIKH TUTUP TAWARAN : 17 OGOS 2026 (ISNIN)

Naskah meja tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ pada waktu pejabat dan boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://tender.selangor.my>. Pihak kontraktor dikehendaki mendaftar secara atas talian di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk melancarkan proses pembelian dokumen. Bayaran dokumen tender tidak akan dikembalikan. Dokumen yang dibeli hendaklah di bukukan/di dokumentasikan. Pihak kontraktor juga diminta sentiasa mengemaskini maklumat syarikat (no. telefon/email) di dalam laman web <https://tender.selangor.my>.

Dokumen Sebutharga hendaklah dilakri dan dimasukkan ke dalam peti tender / sebutharga yang disediakan di Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ pada tarikh tutup yang telah ditetapkan dan tidak lewat daripada Jam 12.00 tengahari. Majlis Bandaraya ini tidak terikat bagi menerima tawaran sebutharga yang paling rendah atau sebarang tawaran.

(Sr. HAJAH SALIZA BINTI MOHD MASRI) CQS, P.P.T
Ketua Penolong Pengarah (Perolehan)
Bahagian Perolehan
b.p Datuk Bandar Petaling Jaya

Tarikh : 04 Ogos 2026
Fail No : Jabatan Pembangunan Masyarakat

DOKUMEN TELAH
DISEMAK SEMPURNA
Tarikh : 3/8/2026

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

D O K U M E N S E B U T H A R G A

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN / PENCUCIAN
DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN PEJABAT
UNIT PERKUBURAN DAN
KAWASAN TANAH PERKUBURAN ISLAM
SEK. 9 KOTA DAMANSARA,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA,
BAGI TEMPOH 24 BULAN.**

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN & KEMUDAHAN AM,
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA,
TINGKAT 7, MENARA MBPJ,
JALAN TENGAH,
46200 PETALING JAYA.**

PERINGATAN PENTING - PERKARA BARU DALAM URUSAN PEROLEHAN

1. PEMBIDA WAJIB MENGEMUKAKAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE - TCC) SEMASA MENGEMUKAKAN TAWARAN (STATUS 'PATUH' DAN MASIH DALAM TEMPOH SAH LAKU)

*Sila kepilkan sijil selepas muka surat pemberitahuan tender / sebut harga.

2. PEMBIDA ADALAH DIWAJIBKAN MENGISI MAKLUMAT BARU BERKAITAN PK 1.6 – INTEGRITI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN SEMASA MENGEMUKAKAN TAWARAN.

i) BORANG PEMBERITAHUAN PEMUNYA BENEFISIAL (*BENEFICIAL OWNERS – BO*) - LAMPIRAN 12

ii) SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA (SA) – LAMPIRAN 13

CONTOH SENARAI SEMAKAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

Sila tandakan ☐ / ☐ Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	☐	☐
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	☐	☐
3.	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	☐	☐
4.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	☐	☐
5.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	☐	☐
6.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB	☐	☐
7.	Borang Tender/Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani	☐	☐
8.	Borang Maklumat Petender	☐	☐
9.	Pematuhan Kepada Spesifikasi	☐	☐
10.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)	☐	☐
11.	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)	☐	☐
12.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)	☐	☐

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga
13.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir	☐	☐
14.	Lain-lain Sekiranya Ada	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Tender/Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	UNTUK KEGUNAAN JABATAN Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada). Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:
--	--

LAMPIRAN Q

Lampiran Q

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebutharga.....

**KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

NEGERI SELANGOR

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN

Kepada (Nama Syarikat)

.....

No. Telefon

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Kewangan.....

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan

dengan pembelian ini 221001 & 221002

Pelawaan Sebutharga dikeluarkan oleh

Jabatan (Alamat Lengkap)

Jabatan Pembangunan Masyarakat,

Ting. 7, Menara MBPJ, Jalan Tengah,

46200, Petaling Jaya, Selangor.

No. Tel : 03-79601216/79601220

Tarikh :

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang dilengkapkan.

1.1 Syarat penyerahan / penyempurnaan **mengikut spesifikasi sebutharga di lampiran.**


1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki siap dalam tempoh **24 Bulan.**

1.3 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda "No. Sebutharga"

1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengahari _____hb _____.

1.5 Tempoh sahlaku sebutharga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh :

Tandatangan : 

Nama Pegawai : Bahagian Pembangunan Sukan dan Kemudahan Am
Jawatan : Jabatan Pembangunan Masyarakat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Bil.	Perihal barang-barang/Perkhidmatan dan Syarat-Syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebutharga	
	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN /PENCUCIAN DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN PEJABAT UNIT PERKUBURAN DAN KAWASAN TANAH PERKUBURAN ISLAM SEK. 9 KOTA DAMANSARA, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA, BAGI TEMPOH 24 BULAN. Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan Ditawarkan <u>24 bulan</u> * Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.				RM _____

- i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih dan
- ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah **24 bulan**

Saya / Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan

Penyebutharga

Nama

K/P

Alamat

Syarikat

Tarikh

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri,

dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

PEMBERITAHUAN SEBUTHARGA

**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
PEMBERITAHUAN SEBUTHARGA**

Tawaran Sebutharga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) yang berpengalaman, berminat dan masih dibenarkan membuat kerja / tawaran :

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN / PENCUCIAN DAN PENYELENGGARAAN
BANGUNAN PEJABAT UNIT PERKUBURAN DAN KAWASAN TANAH PERKUBURAN
ISLAM SEK. 9 KOTA DAMANSARA, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA, BAGI
TEMPOH 24 BULAN.**

Kontraktor / Penender yang berminat untuk menyertai tawaran sebutharga ini bolehlah melakukan lawatan tapak ke kawasan kerja berkaitan, sebelum menghantar dokumen sebutharga.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri, ditulis pada bahagian atas kiri sampul surat dengan butir-butir seperti no. sebutharga, tarikh tutup dan dialamatkan kepada, Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, 46200 PETALING JAYA.

Dokumen sebutharga hendaklah dihantar dengan tangan dan dimasukkan terus ke dalam Peti Sebutharga yang telah disediakan di Bahagian berkaitan atau dihantar terus melalui pos.

Dokumen sebutharga hendaklah dikemukakan atau sampai di Bahagian Perolehan, Sebutharga dan Kontrak sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh sebutharga ditutup.


(**KU MUSTAFA BIN KU MOHAMAD**)

Timbalan Pengarah (PM),

Jabatan Pembangunan Masyarakat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

KAWASAN KERJA KONTRAK DAN SENARAI KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI BANGUNAN PEJABAT DAN TANAH PERKUBURAN ISLAM SEK. 9 KOTA DAMANSARA, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

BIL.	KAWASAN KERJA KONTRAK	SENARAI KEMUDAHAN
1.	PEJABAT URUSAN PERKUBURAN	Bilik pejabat Bilik kakitangan Bilik air Lelaki / Perempuan Bilik mandi jenazah Bilik jenazah Ruang menunggu Surau Lelaki / Perempuan Ruang wuduk Lelaki / Perempuan Bilik stor Bilik utiliti
2.	KAWASAN TANAH PERKUBURAN	Lot Petak Tanah Perkuburan /Pusara Kawasan Tempat Letak Kereta Jalan kawasan persekitaran Pondok Teduhan Pokok Hiasan Gazebo/bangku

(Senarai kemudahan sama seperti di SENARAI KUANTITI – BQ)

SYARAT-SYARAT AM DAN SKOP KERJA.

- 1 Dokumen sebutharga hanya akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan pegawai Penguasa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ataupun pada tarikh iklan di dalam akhbar tempatan / laman web MBPJ.
- 2 Kontraktor / Penender adalah diharuskan melawat tapak bagi kerja atau projek tersebut sebelum mengemukakan tawaran dan pastinya juga telah mendapat segala butir-butir atau maklumat yang diperlukan. Oleh sebab itu, MBPJ / MAJLIS BANDARAYA ini tidak akan melayan segala bentuk aduan atau rayuan di kemudian hari.
- 3 Kontraktor / Penender diwajibkan mengisi dokumen sebutharga ini dengan lengkap dan cermat terutama di bahagian-bahagian penting seperti Lampiran Q, Jaminan Penender dan Perakuan, Kenyataan Kontraktor, Pengakuan Kontraktor, Butir-butir Mengenai Kontraktor / Syarikat, Jadual-jadual Senarai Bahan Kimia, Mesin / Peralatan dan Kenderaan Pengangkutan, Jadual Ringkasan Sebutharga, Jadual Kadar Harga dan Persetujuan Harga. Demikian juga dengan Nama Syarikat, Nama Kontraktor, Nama Saksi, No. Kad Pengenalan, Tandatangan dan Tarikh. MAJLIS BANDARAYA ini akan bertindak menolak borang atau dokumen sebutharga yang dikemukakan oleh mana-mana Kontraktor / Penender sekiranya mereka tidak mematuhi arahan atau syarat ini.
- 4 Permohonan untuk mendapatkan bayaran pendahuluan tidak akan dilayan oleh MAJLIS BANDARAYA ini melainkan ke atas kerja yang sebenarnya telah dijalankan oleh Kontraktor / Penender.
- 5 Kontraktor / Penender yang telah berjaya mendapatkan kerja kontrak ini adalah diwajibkan menjalankan kesemua skop kerja pembersihan / pencucian dan penyelenggaraan di kerja kawasan kontrak secara tugas harian dan mengikut spesifikasi (*specification*) MAJLIS BANDARAYA ini termasuklah juga arahan yang akan diberikan oleh Penguasa atau wakilnya. Ini termasuklah semua item / kompenan atau bahagian / ruang seperti semua jenis permukaan lantai, dinding, siling, pintu, tangga, pelbagai peralatan elektrik serta kelengkapan, kesemua bilik, tong sampah, tandas, siar kaki, saluran air longkang, lanskap serta lain-lain item yang berkaitan dan padang permainan sepertimana yang ditentukan oleh MAJLIS BANDARAYA ini di dalam perjanjian ini.

- 6 Kemudahan bilik-bilik yang terdapat di dalam bangunan berkenaan, hanya boleh digunakan sebagai pejabat urusan bagi tugas rasmi dan setor am. Kontraktor / Penender dilarang sama sekali menggunakan kemudahan yang dimaksudkan untuk tujuan selain dari yang dinyatakan iaitu yang melibatkan sebarang aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan dasar MAJLIS BANDARAYA ini. Syarat ini jika tidak dipatuhi boleh mengakibatkan kontrak perjanjian berkenaan dibatalkan.
- 7 Kontraktor / Penender yang telah berjaya mendapatkan projek tersebut adalah juga pada setiap masa bertanggungjawab menyimpan dan menyediakan senarai yang lengkap berhubung inventori harta benda milik MAJLIS BANDARAYA ini dan dihantar kepada MAJLIS BANDARAYA ini setiap 4 bulan sekali untuk makluman dan pemeriksaan. Kegagalan berbuat demikian bermakna Kontraktor / Penender dimestikan membayar balik kepada MAJLIS BANDARAYA ini nilai peralatan berkenaan ATAU menggantikannya dengan peralatan yang baru yang sama nilai, kualiti dan kuantiti.
- 8 Kontraktor / Penender adalah bertanggungjawab di atas segala kehilangan atau kerosakan yang mungkin berlaku ke atas harta benda milik persendirian atau MAJLIS BANDARAYA ini yang mana ianya diwajibkan menggantikannya ATAU membayar gantirugi bila mana perlu. Laporan lengkap berhubung dengan perkara tersebut juga perlu dihantar kepada MAJLIS BANDARAYA ini untuk tindakan selanjutnya. Kegagalan berbuat demikian bermakna, Kontraktor / Penender dimestikan membayar balik nilai yang sama bagi harta benda berkenaan ATAU menggantikannya dengan peralatan yang baru yang sama nilai, kualiti dan kuantiti.
- 9 Manakala kerja-kerja membaikpulih kerosakan / penyelenggaraan kecil ke atas harta benda milik MAJLIS BANDARAYA ini yang melibatkan kos dan tidak disebabkan oleh kecuaian, maka Kontraktor / Penender dimestikan memaklumkan dan membuat laporan lengkap kepada MAJLIS BANDARAYA ini untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya.
- 10 Struktur organisasi yang dicadangkan oleh Kontraktor / Penender adalah gambaran yang dianggap akan meliputi bidang-bidang tugas yang penting bagi *management team* dan memberi imej yang baik dan seragam.

- 11 MAJLIS BANDARAYA ini berhak atau berkuasa meminta Kontraktor / Penender supaya menambah bilangan tenaga kerja untuk sesebuah pasukan sekiranya bilangan yang dicadangkan / disediakan didapati tidak mampu untuk menyempurnakan keseluruhan skop kontrak ini.

PERINGATAN PENTING

1. Dokumen-dokumen berikut MESTI disertakan dalam PROFILE SYARIKAT dan DILAMPIRKAN bersama-sama DOKUMEN SEBUTHARGA.

- 1.1 Sijil *Register Of Company (ROC) / Register Of Business (ROB)*.
- 1.2 Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) / Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).
- 1.3 Sijil Taraf Bumiputera.
- 1.4 Surat setuju terima / surat tawaran kerja / Pesanan Tempatan (*Local Order*) dan sijil siap kerja bagi projek-projek lepas atau kerja-kerja yang telah disiapkan 3 tahun sebelum tarikh SEBUTHARGA ini dikeluarkan (jika ada).
- 1.5 Surat sokongan / surat perakuan kerja bagi projek-projek lepas atau kerja-kerja yang telah disiapkan 3 tahun sebelum tarikh SEBUTHARGA ini dikeluarkan (jika ada).
- 1.6 Surat setuju terima / Pesanan Tempatan (*Local Order*) dan Sijil Bayaran Kemajuan terakhir bagi projek-projek semasa (jika ada).
- 1.7 Senarai bahan kimia / kimia cucian yang akan diguna pakai dalam melaksanakan kerja-kerja kontrak yang akan ditawarkan.
- 1.8 Senarai mesin / peralatan yang akan diguna pakai dalam melaksanakan kerja-kerja kontrak yang akan ditawarkan.
- 1.9 Senarai kenderaan pengangkutan yang akan diguna pakai dalam melaksanakan kerja-kerja kontrak yang akan ditawarkan.
- 1.10 Sebarang dokumen / surat pengesahan sebagai bukti kepada bayaran dijangka, kemudahan pinjaman dari Bank, Overdraf, kemudahan kredit dari pembekal dan lain-lain yang berkaitan (jika ada).
- 1.11 Lembaran Imbangan (*Balance Sheet*) yang telah diaudit oleh Akauntan Bertauliah untuk tahun kewangan terakhir iaitu bagi Syarikat Sdn. Bhd.
- 1.12 Penyata Akaun Bank yang disahkan oleh pihak bank bagi tempoh 3 bulan terakhir / terkini.

2. Maklumat-maklumat berikut yang terdapat di dalam Dokumen Sebutharga, MESTI diisi dengan CERMAT dan LENGKAP oleh Kontraktor.

- 2.1 Lampiran Q (Harga, Nama, No. Kad Pengenalan, Alamat, Tandatangan, Cop dan Tarikh).
- 2.2 Nama Kontraktor, No. Kad Pengenalan, Alamat, Tandatangan dan Cop Kontraktor / Syarikat.
- 2.3 Nama Saksi, No. Kad Pengenalan, Alamat dan Tandatangan.
- 2.4 Tarikh Dokumen SEBUTHARGA diisi.
- 2.5 Jaminan Penender dan Perakuan.
- 2.6 Kenyataan Kontraktor.
- 2.7 Pengakuan Kontraktor.
- 2.8 Butir-butir Mengenai Kontraktor / Syarikat.
- 2.9 Jadual senarai Bahan Kimia / Kimia Cucian yang akan diguna pakai dalam melaksanakan kerja-kerja kontrak yang akan ditawarkan.
- 2.10 Jadual senarai Mesin / Peralatan yang akan diguna pakai dalam melaksanakan kerja-kerja kontrak yang akan ditawarkan.
- 2.11 Jadual senarai kenderaan pengangkutan yang akan diguna pakai dalam melaksanakan kerja-kerja kontrak yang akan ditawarkan.
- 2.12 Jadual Ringkasan Sebutharga.
- 2.13 Jadual Kadar Harga.
- 2.14 Persetujuan Harga.

3. Dokumen SEBUTHARGA yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri atau bermeteri (sealed) serta ditulis TAJUK, NO. serta TARIKH TUTUP SEBUTHARGA/TAWARAN KERJA pada sebelah KIRI ATAS SAMPUL SURAT dan dialamatkan kepada BAHAGIAN PEROLEHAN, JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN, TINGKAT 3, MENARA MBPJ, JALAN TENGAH MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA, 46200 PETALING JAYA.

4. Dokumen **SEBUTHARGA** ini hendaklah dihantar **DENGAN TANGAN** dan dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA (SEBUTHARGA BOX)** yang telah disediakan di **PEJABAT BAHAGIAN PEROLEHAN MBPJ** pada **ATAU** sebelum **TARIKH** dan **MASA** yang telah ditetapkan.
5. **MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA** tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku **KEHILANGAN** ke atas mana-mana Dokumen **Sebutharga** yang dihantar melalui **POS**.
6. **MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA** tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku **penolakan** ke atas mana-mana Dokumen **SEBUTHARGA** yang **TIDAK LENGKAP DIISI** oleh Kontraktor.

KONTRAKTOR :

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Alamat :

.....

.....

.....

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

SAKSI :

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Alamat :

.....

.....

.....

Jawatan :

Tarikh :

ARAHAN KEPADA PENTENDER

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

**ARAHAN KEPADA PEMBIDA
TENDER/SEBUT HARGA
(KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

A. TATACARA PELAWAAN

1.0 AM

- 1.1. Arahkan Kepada Pembida ini, hendaklah menjadi sebahagian daripada Kontrak.
- 1.2 Pembida hendaklah membaca **Syarat-Syarat Membuat Tender/Sebut Harga** sebagaimana lampiran kepada Borang Tender/Sebut Harga/Lampiran Q.

2.0 PENJUALAN DOKUMEN TENDER/SEBUT HARGA SECARA ATAS TALIAN

- 2.1 Pembida hendaklah mengambil perhatian bahawa Dokumen Tender/Sebut Harga untuk projek ini akan dijual secara salinan lembut (*softcopy*) di atas talian.
- 2.2 Pembelian perlu dibuat melalui laman sesawang <https://tender.selangor.my>. Dokumen tanpa pembelian dari laman sesawang ini akan ditolak dan tidak dinilai.

3.0 TEMPOH SAH LAKU TENDER/SEBUT HARGA

TENDER	SEBUT HARGA
120 HARI	90 HARI

- 3.1 Tender/Sebut Harga hendaklah terus sah selama tempoh yang dinyatakan di atas dari tarikh akhir penyerahan Tender/Sebut Harga dan pembida tidak dibenarkan sama sekali menarik diri dalam tempoh tersebut. Pembida adalah diingatkan bahawa deposit Tender/Sebut harga tidak diperlukan. Seandainya pembida menarik diri di dalam tempoh sah laku Tender/Sebut Harga atau sebarang tempoh yang dilanjutkan atau enggan menerima Tender/Sebut harga setelah ditawarkan kepadanya, tindakan disiplin akan diambil terhadapnya di dalam pendaftaran pembida sebagai kontraktor dengan pihak kerajaan:
 - (a) akan digantung selama dua (2) tahun bagi kesalahan pertama;
 - (b) akan digantung selama lima (5) tahun bagi kesalahan kedua dan;
 - (c) akan dibatalkan bagi kesalahan berikutnya.

4.0 DOKUMEN TENDER/SEBUT HARGA

- 4.1 Pembida adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan setiap Dokumen Tender/Sebut Harga yang dimuat turun adalah lengkap. Sekiranya terdapat apa-apa ketidaksempurnaan pada dokumen atau muka surat di dalam Dokumen Tender/Sebut Harga berkenaan berdasarkan semakan oleh pembida dengan Dokumen Meja Tender/Sebut Harga, adalah menjadi tanggungjawab

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
pembida untuk merujuk kepada **Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya.**

- 4.2 Pembida adalah dikehendaki mengisi sepenuhnya perkara-perkara berikut yang menjadi sebahagian daripada Tender/Sebut Harga iaitu:
- 4.2.1 Borang Tender/Sebut Harga/Lampiran Q.
 - 4.2.2 Senarai Kuantiti dengan setiap item dihargaikan dan jumlah amaunnya yang membentuk harga Tender/Sebut Harga dipindahkan ke Ringkasan Tender/Sebut Harga dan Borang Tender/Sebut Harga/Lampiran Q.
 - 4.2.3 Borang A (Maklumat Kewangan)
 - Sekiranya pembida membuat pindaan terhadap maklumat yang dinyatakan, pembida wajib 'initial' pada pindaan tersebut.
 - 4.2.4 Pembida adalah diwajibkan mengisi maklumat baru berkaitan **PK1.6 – Integriti Dalam Perolehan Kerajaan Semasa Mengemukakan Tawaran.**
 - i) Borang Pemberitahuan Pemunya Benefisial (*Beneficial Owners – Bo*) - Lampiran 12
 - ii) Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa (*Sa*) – Lampiran 13
 - 4.2.5 Surat Akuan Pembida
- 4.3 Kegagalan pihak pembida untuk menyerahkan sebarang dokumen seperti yang dinyatakan di atas boleh menyebabkan Tender/Sebut Harganya ditolak.
- 4.4 Dokumen yang dibeli hendaklah dibukukan / didokumentasikan. Sekiranya gagal, pembida boleh ditolak.
- 4.5 Sekiranya pembida mengemukakan dua tawaran harga, pihak Majlis berhak untuk menolak dan tidak menilai tawaran tersebut.

5.0 SENARAI KUANTITI/RINGKASAN HARGA/LAMPIRAN Q

- 5.1 Senarai Kuantiti/Ringkasan Harga/Lampiran Q hendaklah dihargaikan dengan menggunakan **dakwat** yang kekal dan tidak luntur dan mudah dibaca dengan jelas. Jumlah amaun yang dihargaikan di dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Harga/Lampiran Q hendaklah sama dengan amaun yang dinyatakan di dalam Borang Tender/Sebut Harga. Sekiranya maklumat ditaip dan dicetak, maklumat hendaklah jelas dan tiada sebarang kesilapan. Sekiranya terdapat kesilapan, pembida boleh ditolak dan tidak dinilai.
- 5.2 Sekiranya Pembida tidak menghargakan atau meletakkan tanda (-) pada mana-mana item di dalam Kerja Awalan/Senarai Kuantiti/Ringkasan Harga/Lampiran Q, nilai/kadar item tersebut adalah dianggap telah termasuk di dalam nilai/kadar bagi item-item lain di dalam dokumen tersebut.
- 5.3 Pembida yang berjaya hendaklah, dalam masa 14 hari apabila diminta oleh Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa bagi pihaknya mengemukakan

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

pecahan terperinci unit harga untuk sebarang item, kumpulan item atau semua item yang terkandung di dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Harga/Lampiran Q. Pecahan harga tersebut hendaklah mengandungi harga untuk buruh, bahan loji, peralatan dan sebagainya.

- 5.4 Tiada sebarang perubahan, tambahan atau nota yang tidak dibenarkan, boleh dibuat kepada Dokumen Tender/Sebut harga ini yang mengubah teks yang tercetak.
- 5.5 Pembida adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan dokumen yang dimuat turun adalah keseluruhan dokumen yang akan menjadi sebahagian dari Dokumen Tender/Sebut harga.
- 5.6 Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya pembida cuai dalam memastikan kesempurnaan dokumen yang perlu dimuat turun dan sebarang aduan berkaitan perkara ini tidak akan dilayan.

6.0 PERCANGGAHAN DOKUMEN TENDER/SEBUT HARGA

- 6.1 Sekiranya pembida mendapati ada percanggahan di antara Lukisan Tender/Sebut Harga, Senarai Kuantiti dan/atau Spesifikasi, pembida hendaklah dengan serta merta merujuk kepada **Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya**.
- 6.2 Penyelesaian atau arahan tersebut hanya sah jika dibuat dalam bentuk Addenda secara rasmi seperti yang dinyatakan di dalam para 7 di bawah.

7.0 ADDENDA

- 7.1 Sebelum tarikh akhir bagi penyerahan Dokumen Tender/Sebut Harga, **Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya** boleh mengeluarkan Addenda untuk menerangkan atau membetulkan sebahagian atau keseluruhan Dokumen Tender/Sebut Harga. Setiap Addenda yang dikeluarkan akan diedarkan kepada pembida dan menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender/Sebut Harga.
- 7.2 Penerimaan setiap Addenda mestilah dimaklumkan melalui Borang Pengesahan Penerimaan Addenda yang disertakan bersama-sama Addenda. Pembida hendaklah mengembalikan Salinan Borang Pengesahan Penerimaan Addenda sebaik sahaja addenda diterima.
- 7.3 Addenda hendaklah dikemukakan bersama-sama Dokumen Tender/Sebut Harga. Kegagalan pembida berbuat demikian akan menyebabkan Dokumen Tender/Sebut Harga berkenaan **DITOLAK**.

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

- 9.4 Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan Tender/Sebut Harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.
- 9.5 Pembida hendaklah melawat tapak, memeriksa spesifikasi dan pelan- pelan dengan teliti sebelum mengemukakan harga tawaran. Sekiranya timbul sebarang keraguan atau kekeliruan, pembida adalah dinasihatkan supaya berhubung terus dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- 9.6 Pembida adalah dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan Tender/Sebut Harganya bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan lebihan akibat kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

10.0 PENYERAHAN TENDER/SEBUT HARGA

- 10.1 Dokumen Tender/Sebut Harga hendaklah dilengkapkan dan dimasukkan di dalam sampul serta dilakrikan tanpa meletakkan tanda pengenalan pembida pada bahagian luar sampul surat tersebut. Sampul surat yang berlakri tersebut hendaklah dicatatkan dengan nama projek dan dihantar sendiri dengan tangan atau melalui perkhidmatan kurier kepada peti Tender/Sebut Harga di **Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya.**
- 10.2 Pembida adalah **diwajibkan** memuat turun, mengisi, melengkap, mencetak dan **Mengembalikan Secara Salinan Keras (*Hardcopy*)** Dokumen Tender/Sebut Harga.
- 10.3 Dokumen Tender/Sebut Harga hendaklah dicap dengan cap rasmi syarikat dan ditandatangani oleh Penama Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK Responsible Person – Penama SPKK)/Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang diberi kuasa untuk menandatangani kontrak bagi pihak pembida.
- 10.4 Pembida diminta untuk mengemukakan resit pembayaran dan diserahkan bersama Dokumen Tender/Sebut Harga sebelum atau pada tarikh tutup Tender/Sebut Harga yang telah ditetapkan.

11.0 PENGEMUKAAN DOKUMEN TENDER/SEBUT HARGA SECARA SERAHAN TANGAN.

- 11.1 Dokumen Tender/Sebut Harga perlu dijilid dalam bentuk salinan keras (*hardcopy*) sebelum dikemukakan secara serahan tangan di tempat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup Tender/Sebut Harga **selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari.**
- 11.2 Pembida tidak dibenarkan untuk meminda mana-mana kandungan Dokumen Tender/Sebut Harga yang dikemukakan. Mana-mana pembida yang didapati meminda kandungan Dokumen Tender/Sebut Harga boleh menyebabkan dokumennya akan ditolak.

- 11.3 Pembida yang mengemukakan Dokumen Tender/Sebut Harga secara serahan tangan perlu mematuhi Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure – SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada sepanjang masa.

12.0 HARGA INDIKATIF JABATAN (HIJ)

- 12.1 Harga Indikatif Jabatan (HIJ) bagi Tender/Sebut Harga ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Harga/Lampiran Q.
- 12.2 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Majlis atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- 12.3 Pihak Majlis tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

13.0 INTERPRETASI SECARA LISAN

- 13.1 Interpretasi secara lisan kepada mana-mana bahagian Dokumen Tender/Sebut Harga atas permintaan dan/atau diterima Pembida hendaklah tidak diambil kira sebagai membetulkan sebarang peruntukan dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Dokumen Tender/Sebut Harga. Sebarang pemberitahuan atau pembetulan kepada mana-mana bahagian di dalam Dokumen Tender/Sebut Harga akan dibuat secara bertulis oleh **Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya** di dalam bentuk Addenda seperti yang dinyatakan di dalam para 6 dan 7.

14.0 NOTIS KEPADA PEMBIDA

- 14.1 Setiap notis yang hendak diberi kepada pembida akan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)/Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)/Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sama ada melalui pos atau pos berdaftar atau pos laju atau serahan tangan atau e-mel. Kaedah pemberitahuan ini hendaklah disifatkan sebagai penyampaian notis yang sempurna.

15.0 BANTAHAN OLEH PEMBIDA

- 15.1 Bantahan rasmi secara bertulis yang disertai dengan butir-butir lengkap berkaitan dengan Dokumen Tender/Sebut Harga, Spesifikasi, Lukisan dan/atau Senarai Kuantiti yang menjurus kepada sesuatu jenama (jenis) tertentu boleh dibuat oleh pembida dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh dokumen Tender/Sebut Harga dijual. Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan. Bantahan hendaklah dialamatkan kepada **Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya**.

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

16.0 PERUBAHAN DAN PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK

16.1 Pelawaan Tender/Sebut Harga ini boleh dipertimbangkan perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

17.0 PEMERIKSAAN

17.1 Majlis berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji semua barang bekalan yang dibekalkan pada bila-bila masa. Majlis adalah bertanggungjawab memastikan bekalan yang diterima adalah sama/lebih baik seperti spesifikasi pada kontrak/pesanan. Jika terdapat kerosakan/kekurangan, Pembida hendaklah menggantikan jumlah yang rosak/kurang itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak yang dimeterai tanpa sebarang tambahan kos.

17.2 Pembida hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki oleh Majlis. Semua perbelanjaan untuk memeriksa dan menguji ini hendaklah ditanggung oleh pembida.

18.0 PERBELANJAAN PENYEDIAAN CADANGAN TAWARAN

18.1 Semua perbelanjaan bagi penyediaan cadangan tawaran ini hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri.

19.0 PINDAAN

19.1 Majlis berhak meminda atau membatalkan mana-mana dokumen yang membentuk sebahagian daripada pelawaan Tender/Sebut Harga ini, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Sekiranya pelawaan Tender/Sebut Harga ini dikeluarkan semula, maka semua Pembida akan dimaklumkan sewajarnya.

20.0 PEMBATALAN PELAWAAN

20.1 Majlis berhak untuk membatalkan mana-mana pelawaan yang telah diiklankan pada bila-bila masa. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pembida kerana pembatalan ini adalah menjadi tanggungjawab pembida.

21.0 KOS TENDER/SEBUT HARGA

21.1 Majlis tidak akan dipertanggungjawabkan untuk atau membayar apa-apa kos atau perbelanjaan atau kerugian yang dialami oleh pembida di dalam penyediaan atau penghantaran Tender/Sebut Harga beliau.

22.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

22.1 Semua pembida adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para pembida diberi peringatan seperti berikut :

22.1.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 22.1.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 22.1.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 22.1.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

23.0 IKLAN

- 23.1 Pembida tidak dibenarkan menyiarkan sebarang maklumat mengenai Tender/Sebut Harga di dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telahpun dihantar kepada dan diluluskan oleh Majlis terlebih dahulu.

24.0 PENERIMAAN ATAU PENOLAKAN TENDER/SEBUT HARGA

- 24.1 Majlis berhak untuk menolak mana-mana atau keseluruhan Tender/Sebut Harga. Mana-mana Tender/Sebut Harga yang tidak lengkap, tidak jelas atau tidak mematuhi arahan, tidak akan dipertimbangkan.
- 24.2 Pihak Majlis adalah tidak terikat untuk menyetujui terima Tender/Sebut Harga terendah atau sebarang Tender/Sebut Harga, dan juga tidak perlu memberikan sebarang alasan terhadap mana-mana Tender/Sebut Harga yang ditolak.

25.0 TARIKH MEMULAKAN KERJA

25.1 Pembida hendaklah mengambil perhatian bahawa kerja-kerja hendaklah dimulakan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak yang ditetapkan dalam Surat Setujuterima Tender/Sebut Harga. Maksud memulakan kerja ialah memulakan kerja-kerja awalan tapak seperti membekal peralatan dan bahan-bahan binaan, meratakan tanah, membina pejabat tapak serta mendapat kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air dan kerja-kerja awalan lain yang dijelaskan dalam Dokumen Tender/Sebut Harga. Sekiranya pembida gagal berbuat demikian, kontrak akan ditamatkan sejajar dengan Fasal 51.1(a)(i) Syarat-syarat Kontrak.

26.0 BON PELAKSANAAN

26.1 Bon Pelaksanaan adalah suatu akujanji tidak bersyarat oleh sesuatu institusi kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan untuk membayar kepada Kerajaan suatu amaun tertentu atas tuntutan Kerajaan sekiranya syarikat tidak atau gagal mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.

26.2 Pembida yang berjaya hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak lima peratus (5%) daripada Jumlah Harga Kontrak sebelum memulakan kerja. Pembida dikehendaki menggunakan format Bon Pelaksanaan seperti yang dilampirkan tanpa sebarang pindaan.

26.3 Sekiranya kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan dipilih/dikenakan, potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada bayaran kemajuan pertama dan seterusnya akan dikenakan sehingga ia mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada Jumlah Harga Kontrak.

26.4 Pembida yang berjaya hendaklah memastikan Bon Pelaksanaan sentiasa sah dan berkuatkuasa dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan adalah berdasarkan nilai projek seperti berikut:

Nilai Projek	Tempoh Sah Laku Bon Pelaksanaan
Kos Projek sehingga RM10 Juta	- Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) - Format Majlis

26.5 Pembida diingatkan untuk mengambil kira tempoh sah laku Bon Pelaksanaan mengikut nilai projek semasa menghargakan Tender/Sebut harga. Sebarang rayuan akibat kegagalan kontraktor untuk mengambil kira tempoh sah laku Bon Pelaksanaan semasa menghargakan Tender/Sebut Harga tidak akan dilayan.

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

27.0 SIJIL SCORE LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM)

27.1 Pembida dikehendaki mengemukakan Salinan Sijil SCORE dari LPIPM yang masih sah pada tarikh tutup Tender/Sebut Harga (tidak lebih satu (1) tahun dari tarikh sijil dikeluarkan) dengan minimum dua (2) bintang terutama kepada pembida yang menawarkan harga Tender/Sebut Harga di bawah paras Harga *Cut-Off*.

28.0 MEMATUHI AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM) 1994 (Akta 520)

28.1 Pembida yang berjaya bagi semua Tender/Sebut Harga yang bernilai melebihi RM 500,000.00 akan dikenakan levi sebanyak perpuluhan satu dua lima peratus (0.125%) daripada nilai harga kontrak seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 34(2) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) 1994 (Akta 520). Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab pembida yang berjaya untuk membuat bayaran levi kepada pihak LPIPM.

29.0 PEMATUHAN AKTA 342 DAN NORMA BAHARU DALAM SEKTOR PEMBINAAN DAN DALAM MENANGANI EPIDEMIK DAN PANDEMIK COVID 19

29.1 Pembida yang berjaya dikehendaki mematuhi Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan semua Garis Panduan dan Prosedur Operasi Piawai yang berkaitan dalam menangani Epidemik dan Pandemik seperti wabak Covid 19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, CIDB dan MBPJ.

29.2 Pembida dikehendaki mengambilkira dalam harga Tender/Sebut Harga untuk pematuhan perkara 28.1.

29.3 Kegagalan mematuhi Akta, Garis Panduan dan Prosedur Operasi Piawai yang telah ditetapkan menyebabkan tindakan boleh diambil oleh agensi-agensi yang berkenaan dan sebarang tuntutan akibat tindakan ini tidak akan dipertimbangkan.

30.0 PELARASAN HARGA DAN KADAR HARGA

30.1 Ringkasan Tender/Sebut Harga dan/atau Jadual Kadar Harga akan diteliti dan diselaraskan oleh Majlis untuk memastikan kemunasabahannya, sebelum Tender/Sebut Harga disetujuterima sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 26 Syarat-syarat Kontrak JKR 203A. Harga dan kadar harga yang diselaraskan hendaklah tidak mengubah jumlah keseluruhan harga di Borang Tender/Sebut Harga.

31.0 KEPUTUSAN TENDER/SEBUT HARGA ADALAH MUKTAMAD

31.1 Majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari pembida - pembida. Keputusan mengenai Tender/Sebut Harga yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan Tender/Sebut Harga tidak akan dilayan.

32.0 PENGEMUKAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE – TCC)

- 32.1 **Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate* – TCC)** adalah merupakan sijil akuan status pematuhan pembayar cukai yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) sebagai dokumen prasyarat bagi tujuan perolehan Kerajaan.
- 32.2 Pembida **WAJIB** mengemukakan TCC bersama-sama Dokumen Tender/Sebut Harga semasa mengemukakan tawaran sepertimana kaedah penyerahan tawaran Tender/Sebut Harga yang ditetapkan.
- 32.3 TCC adalah **DOKUMEN WAJIB** kelayakan asas Tender/Sebut Harga. Pembida yang tidak mengemukakan TCC atau mengemukakan TCC berstatus '**Tidak Patuh**' / TCC yang tidak sah, akan dinilai sebagai '**Gagal**' mengemukakan dokumen wajib dan tidak layak dinilai untuk peringkat seterusnya.
- 32.4 Bagi Tender/Sebut Harga yang disertai oleh beberapa syarikat tempatan secara usahasama, kesemua syarikat hendaklah mengemukakan TCC dengan status '**Patuh**' dan masih dalam tempoh sah laku semasa mengemukakan tawaran.
- 32.5 Tiada sebarang pengecualian ke atas pengemukaan TCC termasuklah pembida yang berada di zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas seperti ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990.
- 32.6 Pengemukaan TCC juga diwajibkan kepada pembida dari negara ahli Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement* – FTA) yang menyertai perolehan kerja Kerajaan. Sebarang pengecualian melibatkan perkara ini hendaklah dirujuk kepada pihak LHDN.
- 32.7 Pembida boleh membuat semakan dan cetakan TCC secara sendiri melalui menu Status *MyTax* di Portal *MyTax* iaitu <https://mytax.hasil.gov.my>. Portal *MyTax* boleh diakses menggunakan nombor kad pengenalan / pasport dan kata laluan sepertimana pembayar cukai mendaftar masuk bagi tujuan pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui aplikasi e-Filing.
- 32.8 Sekiranya pembida belum mempunyai Nombor Pengenalan Cukai atau *Tax Identification Number* (TIN), pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi e-Daftar di Portal *MyTax*.
 yang mewakili syarikat / perniagaan nombor
 pendaftaran dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengesahkan bahawa senarai
 (MOF/CIDB/SSM)
 pemunya benefisial syarikat seperti mana pemberitahuan dalam borang ini adalah sama dengan maklumat yang
 diserahkan simpan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berdasarkan Akta Syarikat 2016 (Akta 777) dan
 garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Yang benar,

Tandatangan : _____

Nama : _____

No.KP : _____

Tarikh : _____

Cop Syarikat : _____

Catatan:

* Potong mana yang tidak berkenaan

LAMPIRAN 13

**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH
PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA**

PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN / PENCUCIAN DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN PEJABAT
UNIT PERKUBURAN DAN KAWASAN TANAH PERKUBURAN ISLAM SEK. 9 KOTA DAMANSARA, MAJLIS
BANDARAYA PETALING JAYA BAGI TEMPOH 24 BULAN.

No. SEBUT HARGA : MBPJ/SH/P/172/2026

Saya, No. Kad Pengenalan
(Nama Wakil Syarikat)
yang mewakili nombor Pendaftaran
(Nama Syarikat) (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan :

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi; dan
- iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (akta 670) dan Akta Kerja 1955 (Akta 265) serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan migran 2007 (Akta 670) dan Akta Kerja 1955 (Akta 265) serta mana-mana peruntukna undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan : _____
Nama : _____
No.KP : _____
Tarikh : _____
Cop Syarikat : _____

No. *Sebut Harga / Tender / Kontrak : – (Mesy. Bil)

SURAT SETUJU TERIMA
(Bagi Sebut Harga / Tender Perkhidmatan)

Rujukan Kami :
Tarikh :

Nama dan Alamat Kontraktor

.....
.....
.....
.....

(U.P :)

Tuan,

****Sebut Harga / Tender Untuk :**

CADANGAN TAWARAN
.....
.....

No. ****Sebut Harga / Tender / Kontrak : SH / T**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menerima tawaran *Sebut Harga / Tender syarikat tuan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia :** iaitu (RM) yang merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama tertakluk kepada dokumen *Sebut Harga / Tender yang menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima ini berserta dengan **Lampiran A** kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak (selepas ini disebut sebagai "Surat ini").

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Kerajaan dengan syarikat tuan. Satu dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dengan kadar segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen *Sebut Harga / Tender serta semua terma dalam **Lampiran A**. Sehingga dokumen kontrak tersebut ditandatangani, Surat ini hendaklah terus mengikat kedua-dua pihak.

Tandatangan & Cap (Kerajaan) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

1 daripada 14

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. *Sebut Harga / Tender / Kontrak : – (Mesy. Bil)

3. Harga kontrak adalah termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak 0% cukai jualan memandangkan barangan ini dikenakan cukai dan syarikat tuan telah berdaftar dengan Jabatan Kastam ^{Jualan 2018} Diraja Malaysia (JKDM). Pembayaran cukai jualan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat tuan dengan JKDM.

(Perenggan 3 di atas adalah terpakai untuk perolehan Bekalan yang diberi pengecualian cukai di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018)

*3. Harga kontrak adalah termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak 0% cukai jualan ^{Akta Cukai Jualan} memandangkan barangan ini dikenakan cukai dan syarikat tuan telah berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Pembayaran cukai jualan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat tuan dengan JKDM.

(Perenggan 3 di atas adalah terpakai untuk syarikat yang berdaftar dengan JKDM dan Barangan Dikenakan Cukai di bawah Akta Cukai Jualan 2018)

*3. Harga kontrak adalah tidak termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak 0% cukai ^{Akta Cukai Jualan} jualan memandangkan syarikat tuan tidak berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Sekiranya syarikat tuan telah berdaftar dengan JKDM, tuan adalah dikehendaki untuk memaklumkan nombor pendaftaran dan tarikh kuat kuasanya kepada Kerajaan untuk pelarasan harga kontrak dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat kelulusan JKDM. Pembayaran cukai jualan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat tuan dengan JKDM.

(Perenggan 3 di atas adalah terpakai untuk syarikat yang tidak berdaftar dengan JKDM dan Barangan Dikenakan Cukai di bawah Akta Cukai Jualan 2018)

4. Adalah dimaklumkan bahawa tiada pembekalan barang boleh dibuat **melainkan** jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen-dokumen berikut:

(a) Suatu bon pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah **Ringgit Malaysia :** (RM);

Bon pelaksanaan hanya dikenakan kepada perolehan yang bernilai RM200,000 dan ke atas sahaja.

Tempoh sah laku jaminan bagi Bon Pelaksanaan bagi perolehan bekalan atau perkhidmatan hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

Bon pelaksanaan boleh dilepaskan selepas tiga (3) bulan segala obligai selesai.

(b) suatu polisi risiko semua kontraktor (Contractor's All Risk Policy) nilai insurans yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah **Ringgit Malaysia :** (RM) dan resit premium;

(c) suatu polisi insurans pampasan pekerja (Workmen's Compensation) nilai insurans yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah **Ringgit Malaysia :** (RM) (Merupakan anggaran jumlah pendapatan daripada pekerja-pekerja kontraktor yang tidak termasuk dalam Skim Perkeso)

(d) Nombor Kod Majikan di bawah Skim PERKESO dan/atau Polisi Pampasan Pekerja;

(e) Nombor Pendaftaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP),

Pihak tuan adalah DIWAJIBKAN mengambil dan mengemukakan semua jenis perlindungan Insuran melalui syarikat PNSB INSURANCE BROKERS SDN. BHD. sahaja.

Tandatangan & Cap (Kerajaan) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

No. *Sebut Harga / Tender / Kontrak : – (Mesy. Bil)

seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A** tidak melebihi *14/30 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggung terhadap syarikat tuan **melainkan jika** penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi bekalan barang yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh Kerajaan, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan pembekalan barang dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti bekalan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan pembekalan barang dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A**.

~~*6. Syarikat tuan juga adalah dikehendaki melaksanakan program *Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs Ready To Work* (PROTÉGÉ RTW) seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan berdasarkan harga kontrak dengan bilangan minimum peserta PROTÉGÉ RTW sebanyak orang tanpa sebarang kes-Bil. minimum peserta kepada Kerajaan. Bilangan minimum peserta yang diperlukan hendaklah ~~---~~ dikira berdasarkan formula di bawah:~~

$$\frac{1\% \times \text{Harga Kontrak}^*}{\text{RM24,000}^{**}}$$

~~*Bagi tujuan pengiraan PROTÉGÉ RTW, Harga Kontrak adalah nilai tawaran yang dipersetujui tanpa cukai
**Elan PROTÉGÉ (RM2,000 seorang x 12 bulan)~~

Perenggan ini terpakai sekiranya Harga Kontrak melebihi nilai ambang dan syarikat dikehendaki untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ berdasarkan 1PP/PK

~~*6. Syarikat tuan juga adalah digalakkan melaksanakan program *Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs Ready To Work* (PROTÉGÉ RTW) seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.~~

Perenggan ini terpakai sekiranya Harga Kontrak di bawah nilai ambang dan syarikat digalakkan untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ berdasarkan 1PP/PK 1.2.

~~7. Bagi tujuan program PROTÉGÉ RTW ini, syarikat tuan adalah dikehendaki untuk:~~

- ~~(a) mengemukakan Jadual Pelaksanaan Program PROTÉGÉ RTW berdasarkan tempoh kontrak kepada Sekretariat PROTÉGÉ untuk kelulusan dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan;~~
- ~~(b) melaksanakan program ini mengikut Jadual Pelaksanaan Program PROTÉGÉ RTW yang diluluskan oleh Sekretariat PROTÉGÉ;~~
- ~~(c) mengemaskini maklumat berkaitan pengalaman syarikat melaksanakan program PROTÉGÉ RTW dalam sistem ePerolehan di Kementerian Kewangan atau sistem di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), mengikut mana yang berkaitan;~~
- ~~(d) mengemukakan sijil atau surat pengesahan oleh Sekretariat PROTÉGÉ kepada Agensi sebaik sahaja pelaksanaan program PROTÉGÉ RTW selesai; dan~~
- ~~(e) mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaan program PROTÉGÉ RTW kepada Sekretariat PROTÉGÉ.~~

Tandatangan & Cap (Kerajaan) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

No. *Sebut Harga / Tender / Kontrak : – (Mesy. Bil)

~~*8. Sekiranya syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 6 dan 7 atau arahan oleh Kerajaan, Kerajaan berhak untuk tidak mempertimbangkan sebarang tawaran kontrak baharu atau pelanjutan kontrak pada masa hadapan kepada syarikat tuan.~~

Perenggan ini terpakai sekiranya Harga Kontrak melebihi nilai ambang dan syarikat dikehendaki untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ berdasarkan IPP/PK 1.2. Bagi Harga Kontrak di bawah nilai ambang, perenggan ini hendaklah dipotong.

9. Syarikat Tuan hendaklah merujuk dan mengadakan perbincangan lebih lanjut dengan pihak Technology Depository Agency (TDA)* sebagai agensi pelaksana bagi menentu dan memuktamadkan butiran projek-projek ICP untuk dimasukkan di dalam Perjanjian Utama ICP yang akan ditandatangani antara pihak Kerajaan dengan Syarikat Tuan secara bersama dengan Kontrak Perolehan Utama.

*Bahagian Industri Pertahanan untuk perolehan di Kementerian Pertahanan

10. Syarikat Tuan hendaklah melaksanakan dan menyempurnakan projek ICP dengan jumlah Nilai Kredit ICP Mandatori untuk projek ICP hendaklah bersamaan dengan sekurang-kurangnya seratus peratus (100%) daripada Nilai Kontrak Perolehan Utama.

11. Syarikat Tuan hendaklah mengemukakan kepada Kerajaan, suatu Bon Pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan dalam bentuk Jaminan Bank bagi pelaksanaan ICP yang bersamaan dengan lima peratus (5%) daripada Nilai Kontrak Perolehan Utama dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Perjanjian ICP Utama ditandatangani. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah bermula dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga dua belas (12) bulan selepas pelaksanaan penuh Program ICP dan penyempurnaan sepenuhnya jumlah Nilai Kredit ICP Mandatori

12. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa Kerajaan berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 4 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya
- (c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya pembekalan barang tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu;
- (g) syarikat tuan gagal membekalkan barang/menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- (h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;

Tandatangan & Cap (Kerajaan) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

4 daripada 14

No. *Sebut Harga / Tender / Kontrak : – (Mesy. Bil)

- (i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat tuan digulungkan;
- (k) syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat tuan gagal mematuhi spesifikasi pembekalan yang ditetapkan;
- (m) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

13. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 9, Kerajaan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

14. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C** untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

15. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi *3/7/14 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan.

16. Kegagalan pihak kontraktor dan subkontraktor yang menjalankan kerja-kerja di bawah seliaan Majlis mengikut spesifikasi di dalam prosedur dan syarat-syarat Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHE) yang telah ditetapkan oleh Majlis akan menyebabkan tindakan penalti.

17. Pihak kontraktor dan subkontraktor juga dikehendaki berdaftar dengan Sistem OSHE MBPJ di pautan <http://www.pjsmartcity.gov.my/OSHE> sebelum menghadiri Mesyuarat Serah Tapak.

18. Caj Perkhidmatan bagi penyediaan perjanjian dokumen kontrak *Sebut Harga / Tender akan dikenakan kepada syarikat tuan seperti kadar harga yang telah ditetapkan. Pembayaran caj tersebut boleh dibuat melalui kaedah *Tunai / Bank Draft (atas nama Majlis Bandaraya Petaling Jaya). **Sebarang pertanyaan**, syarikat boleh merujuk ke **Unit Perundangan di Tingkat 5 Menara MBPJ**, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Tandatangan & Cap (Kerajaan) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

5 daripada 14

No. *Sebut Harga / Tender / Kontrak : – (Mesy. Bil)

Kadar Caj Perkhidmatan bagi Penyediaan Dokumen Kontrak.

Bil	Nilai Kontrak (RM)	Caj			
		Perjanjian Utama		Perjanjian Lanjutan	
1.	< 50,000.00	RM 500.00		RM 250.00	
2.	50,001.00 > 100,000.00	RM 1,000.00		RM 500.00	
3.	100,001.00 > 300,000.00	RM 2,000.00	√	RM 1,000.00	
4.	300,001.00 > 500,000.00	RM 3,000.00		RM 1,500.00	
5.	500,001.00 > 1,000,000.00	RM 5,000.00		RM 2,500.00	
6.	1,000,001.00 dan keatas	RM 8,000.00 atau 0.5% (mana-mana yang lebih tinggi tetapi tidak melebihi RM 10,000.00)		RM 4,000.00 atau 0.5% (mana-mana yang lebih tinggi tetapi tidak melebihi RM 5,000.00)	
Panel peguam boleh dilantik bagi kontrak yang mempunyai nilai sangat tinggi dan berisiko					

(a) Caj Perkhidmatan yang dikenakan bagi penyediaan dokumen kontrak *Sebut Harga / Tender berjumlah **Ringgit Malaysia** : iaitu (RM) dan hendaklah dijelaskan dan mengembalikan salinan resit pembayaran sebagai bukit pembayaran sebelum dokumen perjanjian ditandatangani.

(b) Dokumen kontrak diperlukan bagi perolehan seperti berikut :-

- i) Tempoh bekalan, perkhidmatan dan kerja melebihi 16 minggu.
- ii) Apabila Nilai kontrak melebihi RM500,000.00.
- iii) Semua jenis perolehan yang di laksanakan secara tender.

*Sebarang kegagalan syarikat membuat pembayaran akan menyebabkan dokumen kontrak tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Pegawai Penguasa,
Pengarah,

.....,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tandatangan & Cap (Kerajaan) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

No. *Sebut Harga / Tender / Kontrak : – (Mesy. Bil)

PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah MBPJ.JKP08.400 – 5/6/137 (9) bertarikh dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen *Sebut Harga / Tender dan Surat ini telah dikenakan.

Tandatangan Syarikat :

Tandatangan Saksi Syarikat :

.....
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
Tarikh :

.....
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
Tarikh :

Meterai atau Cap Syarikat

**potong mana yang tidak berkenaan*

Tandatangan & Cap (Kerajaan) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

No. *Sebut Harga / Tender / Kontrak : – (Mesy. Bil)

Lampiran A

BUTIRAN KONTRAK

CADANGAN TAWARAN
.....
.....

1. Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)

1.1 No. Pendaftaran :

1.2 Tempoh Sah Laku : Aktif

2. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)

2.1 No. Pendaftaran :

2.2 Tempoh Sah Laku :

2.3 Kod Bidang :

2.4 Taraf Syarikat :

2.5 Tempoh Sah Laku Taraf :

3. Pendaftaran Cukai Jualan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia

3.1 No. Pendaftaran : -

3.2 Tarikh Kuat Kuasa : -

4. Harga dan Tempoh Kontrak

4.1 Harga *Sebut Harga :
/Tender

(butiran harga seperti di Lampiran A1)

Lampiran A1 adalah merupakan borang dalam dokumen tender dengan harga yang ditandatangani oleh syarikat. / sebut harga

4.2 Peruntukan Cukai Jualan : RM 0.00

4.3 Fi Perkhidmatan : *0.4% / 0.8%
ePerolehan Fi eP termasuk dalam harga tawaran
(sekiranya berkaitan)

4.4 Harga Kontrak :

Tandatangan & Cap (Kerajaan) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

8 daripada 14

No. *Sebut Harga / Tender / Kontrak : – (Mesy. Bil)

4.5 Tempoh Kontrak :

4.6 Tarikh Mula Kontrak :

4.7 Tarikh Tamat Kontrak :

5. **Tempoh dan Jadual Pembekalan Barang**

*Senarai item, kuantiti dan/atau tempoh serta jadual pembekalan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**

Lampiran A2 adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat dan disediakan oleh Agensi

6. **Spesifikasi Pembekalan (sekiranya berkaitan)**

*Spesifikasi pembekalan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A3**

Lampiran A3 akan disediakan oleh Agensi

7. ***Bon Pelaksanaan**

7.1 Kadar Bon Pelaksanaan : 2.5 % @ 5 % berdasarkan anggaran nilai satu tahun

7.2 Formula Pelaksanaan : 2.5 % @ 5 % berdasarkan anggaran nilai satu tahun

7.3 Nilai Pelaksanaan :

7.4 Bentuk Bon : Wang Tunai atau Bank Draft atas nama Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Jaminan Bank/ Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau Pelaksanaan Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takaful

7.5 Tempoh Sah Laku : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau tarikh obligasi terakhir mengikut mana yang terkemudian. Mengikut format yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti di **Lampiran A4**
Lampiran A4 akan disediakan oleh Agensi berdasarkan format PP/PK4

Tandatangan & Cap (Kerajaan) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

No. *Sebut Harga / Tender / Kontrak : – (Mesy. Bil)

8. **No. Kod Majikan PERKESO/No. Pendaftaran KWSP/*Polisi Insurans Semua Kontraktor (jika berkaitan)**

- 8.1 No. Kod Majikan :
(Diisi oleh syarikat)
- 8.2 No. Pendaftaran KWSP :
(Diisi oleh syarikat)
- *8.3 Nilai Polisi :
- *8.4 Tempoh : Meliputi tempoh kontrak Perlindungan

9. **Polisi Insuran Pampasan Pekerja (jika berkaitan)**

- 9.1 No. Kod Majikan :
(Diisi oleh syarikat)
- 9.2 No. Pendaftaran KWSP :
(Diisi oleh syarikat)
- *9.3 Nilai Polisi :
- *9.4 Tempoh : Meliputi tempoh kontrak Perlindungan

10. **Kenaan *Denda/ Tolakan/ Liquidated & Ascertained Damages (LAD)**
(Lewat/Gagal bekul barang atau tidak menepati spesifikasi)

- 10.1 Formula : Formula ditentukan sendiri oleh Agensi. Tetapi hendaklah dinyatakan secara *upfront* kepada syarikat dalam dokumen pelawaan.
- *10.2 Kadar sehari :

11. ***Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs – Ready To Work (PROTÉGÉ-RTW) (jika berkaitan)**
(Bagi perolehan yang telah melebihi nilai ambang berdasarkan PP/PK1.2)

- 11.1 Tertakluk kepada : Ya / Tidak pelaksanaan (Berdasarkan nilai ambang yang ditetapkan dalam PP/PK1) Program PROTÉGÉ-RTW
- 11.2 Bilangan PROTÉGÉ-RTW : peserta
(minimum peserta) Formula:
 $\frac{1\% \times \text{Harga Kontrak}^*}{\text{RM24,000}^{**}}$

*Bagi tujuan yang dipersetujui tanpa pengiraan PROTÉGÉcukai , Harga Kontrak adalah nilai tawaran
**Elaun PROTÉGÉ (RM2,000 seorang x 12 bulan)

**potong mana yang tidak berkenaan*

Tandatangan & Cap (Kerajaan) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

No. *Sebut Harga / Tender / Kontrak : – (Mesy. Bil)

Salinan Kepada :

Ketua Penolong Pengarah (Perolehan),
Bahagian Perolehan,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
(u.p. : Puan. Sr. Hajjah Saliza Binti Mohd Masri, CQS, P.P.T)

Tandatangan & Cap (Kerajaan) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

11 daripada 14

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. *Sebut Harga / Tender / Kontrak : – (Mesy. Bil)

Lampiran B

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

CADANGAN TAWARAN

(No. **Sebutharga / Tender : MBPJ/SH/P/.....)

Saya, No. Kad Pengenalan
yang mewakili (nama syarikat) nombor Pendaftaran
(*MOF/CIDB/SSM) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada manamana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi* atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan boleh berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi perolehan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi perolehan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau

Tandatangan & Cap (Kerajaan) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

No. *Sebut Harga / Tender / Kontrak : – (Mesy. Bil)

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii). Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperoleh atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No.KP :
Tarikh :
Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) **termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) ***seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Tandatangan & Cap (Kerajaan) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

No. *Sebut Harga / Tender / Kontrak : – (Mesy. Bil)

Lampiran C

SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT

Saya.....nombor kad pengenalan.....
yang mewakili syarikat nombor pendaftaran.....
(*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (a) syarikat **TIDAK** membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (b) syarikat **TIDAK** membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (c) syarikat **TIDAK** terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *Sebut Harga / Tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (d) syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah **TIDAK** disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia; dan
- (e) syarikat **TIDAK** digulungan.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan di atas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan)
sebenar-benarnya diakui oleh)
.....) Tandatangan
di.....)
pada)
Di hadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah

Catatan:

- i. *Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii. Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF / CIDB

Tandatangan & Cap (Kerajaan) :

Tandatangan & Cap (Syarikat) :

PK 1.6 - INTEGRITI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DAN TIPUAN BIDA DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

Versi Bahasa Kebangsaan

"PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI HARAM ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG ATAU TIPUAN BIDA

- a) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya [Syarikat/Kontraktor], kakitangan, pengkhidmat atau pekerja disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti haram atau aktiviti yang menyalahi undang-undang atau didapati melakukan pelanggaran larangan tipuan bida di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lain yang dimasuki oleh [Syarikat/Kontraktor] dengan Kerajaan, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan serta merta kepada [Syarikat/Kontraktor] untuk menyatakan sedemikian kepada [Syarikat/Kontraktor].
- b) Kerajaan berhak menuntut daripada [Syarikat/Kontraktor] apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- c) Pihak-Pihak bersetuju bahawa [Syarikat/Kontraktor] tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu".

Versi Bahasa Inggeris

"TERMINATION ON CORRUPTION, UNLAWFUL ACTIVITIES OR ILLEGAL ACTIVITIES OR BID RIGGING

- a) *Without prejudice to any other rights of the Government, if the [Company/Contractor], its personnel, servants or employees is or are convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities or was found to be liable for an infringement of a prohibition from performing an act of bid rigging under the Competition Act 2010 [Act 712], in relation to this Agreement or any other agreement that the [Company/Contractor] may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this Agreement at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company/Contractor].*
- b) *Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses including any incidental costs and expenses incurred by the Government arising from such termination.*
- c) *For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company/Contractor] shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this Agreement.*

**Klausu penamatan di atas telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara

LAMPIRAN 16

PENGESAHAN JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/JAMINAN INSURAN (DARIPADA BANK/SYARIKAT KEWANGAN/SYARIKAT INSURAN)

Rujukan Tuan :

Rujukan Kami :

Tarikh :

.....
.....
.....
.....

(Nama/Alamat Kementerian/Jabatan Yang Berkenaan)

Tuan,

Pengesahan Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans

No Jaminan :

Yang Dikeluarkan Oleh

Merujuk kepada surat tuan bil.
bertarikh berkenaan perkara yang tersebut di atas, sukacita
mengesahkan di sini bahawa Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan
Insurans No. yang telah ditandatangani oleh
sebagai jaminan bagi yang
dikeluarkan untuk syarikat adalah sebenarnya
dikeluarkan oleh Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans ini.

Sekian, terima kasih.

(.....)

Nama :

Jawatan :

Cap Rasmi Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans.

PENENTUAN (SPESIFIKASI) KERJA

PENENTUAN (SPESIFIKASI) KERJA

PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN / PENCUCIAN DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN PEJABAT UNIT PERKUBURAN DAN KAWASAN TANAH PERKUBURAN ISLAM SEK. 9 KOTA DAMANSARA, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA, BAGI TEMPOH 24 BULAN.

1. TUJUAN

Tujuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mencadangkan dan menawarkan perkhidmatan pembersihan/pencucian dan penyelenggaraan kawasan yang dinyatakan di atas adalah untuk : -

- 1.1 Mempastikan item-item kemudahan yang terdapat di kawasan kerja kontrak, sentiasa berada dalam keadaan yang bersih, kemas dan selesa untuk digunakan.
- 1.2 Menentukan kemudahan-kemudahan yang berkaitan dapat diurus, diselia serta dipantau dengan lebih teratur, sistematik dan efektif.
- 1.3 Memaksimumkan penggunaan sumber kemudahan am yang ada bagi membolehkan warga bandaraya Petaling Jaya khususnya dan masyarakat amnya, mendapat manfaat darinya.

Sehubungan dengan itu, KONTRAKTOR yang dipilih atau dilantik oleh MAJLIS BANDARAYA ini, adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam usaha memberikan perkhidmatan yang cekap, sempurna dan cemerlang sebagaimana yang diharapkan oleh MAJLIS BANDARAYA ini.

Maka oleh yang demikian, adalah dengan ini dipersetujui seperti berikut : -

2. TAKRIFAN

Dalam syarat-syarat perjanjian ini melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna atau erti yang lain : -

- 2.1 MAJLIS BANDARAYA membawa maksud, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).
- 2.2 'KONTRAKTOR' ertinya orang perseorangan (individu) atau kumpulan individu sama ada ianya diperbadankan atau tidak diperbadankan yang mana sebutharganya telah dipersetujuterima oleh MAJLIS BANDARAYA ini.
- 2.3 'Penguasa' ertinya pegawai-pegawai dari MAJLIS BANDARAYA ini atau bagi pihaknya yang telah dilantik dan diserahkan kuasa untuk mengawas dan menyelia kerja-kerja yang dijalankan oleh KONTRAKTOR.

3. DEFINASI UMUM KERJA PEMBERSIHAN / PENCUCIAN DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN

Secara umumnya, kerja-kerja pembersihan / pencucian dan penyelenggaraan bangunan adalah merangkumi perkara-perkara seperti berikut : -

- 3.1 Menanggal, menyapu dan membersihkan segala bentuk kekotoran seperti sampah sarap, tanah, pasir, batu, lumpur dan sebagainya.
- 3.2 Menanggal dan menyapu daki kotoran (*external stains*) di semua permukaan di mana-mana yang berkenaan.
- 3.3 Membersihkan semua jenis permukaan supaya ianya kemas, bersih, sempurna, selesa dan selamat digunakan.

- 3.4 Menggunakan berbagai bahan perlindungan (*protective coatings*) yang bersesuaian dan diluluskan oleh MAJLIS BANDARAYA ini ke atas semua jenis permukaan dan menyelenggarakannya bagi tujuan : -
- 3.4.1 Menghilangkan daki-daki kotoran di permukaan.
 - 3.4.2 Membawa kecantikan/keindahan ke atas permukaan.
 - 3.4.3 Membersihkan dengan cara yang tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan.
 - 3.4.4 Meminimumkan kesan kerosakan ke atas permukaan disebabkan oleh penggunaannya.
- 3.5 Membuat 'rawatan lantai' (*floor treatment*) ke atas semua permukaan lantai kecuali lantai permaidani. Dalam konteks ini juga, KONTRAKTOR mestilah berkemampuan mengekalkan keaslian permukaan lantai, menyelenggaranya dengan baik, sempurna dan memuaskan sebagaimana kehendak MAJLIS BANDARAYA ini.
- 3.6 Pada tempat-tempat atau jenis lantai tertentu, cara dan ketentuan yang sesuai mengikut pandangan KONTRAKTOR dan setelah mendapat persetujuan Penguasa MAJLIS BANDARAYA ini, hendaklah dipraktikkan dalam melaksanakan kerja-kerja pembersihan / pencucian.

4. ANGGARAN KEPERLUAN

- 4.1 MAJLIS BANDARAYA ini tidaklah menjamin atau melibatkan dengan apa jua bahawa semua atau mana-mana anggaran kuantiti kerja, bilangan atau jenis ukuran yang dinyatakan di dalam kontrak ini adalah tepat. KONTRAKTOR adalah mesti melawat dan mengukur sendiri keluasan tapak untuk mendapat kiraan ukuran yang lebih tepat atau terperinci.
- 4.2 KONTRAKTOR dari semasa ke semasa mesti membekalkan kepada MAJLIS BANDARAYA ini apa-apa kuantiti dan jenis bahan yang akan digunakan semasa menjalankan kerja / perkhidmatan ini.

5. ARAHAN MEMULAKAN KERJA

- 5.1 Arahan bagi KONTRAKTOR memulakan kerja yang sebenar akan dibuat secara terus oleh MAJLIS BANDARAYA ini kepada KONTRAKTOR melalui surat rasmi.
- 5.2 MAJLIS BANDARAYA ini tidak akan bertanggungjawab menerima tanggungan kos sekiranya KONTRAKTOR memulakan kerja tanpa arahan bertulis terlebih dahulu.
- 5.3 Sekiranya arahan kerja atas dasar bulan ke bulan dibuat oleh MAJLIS BANDARAYA ini iaitu selepas tempoh perjanjian telah tamat dan sementara menunggu sebutharga baru dikeluarkan, KONTRAKTOR adalah masih lagi TERTAKLUK kepada semua syarat yang terkandung di dalam perjanjian ini.

6. JADUAL PUSINGAN KERJA

- 6.1 KONTRAKTOR mesti mengemukakan Jadual Pusingan Kerja bulanan kepada Penguasa MAJLIS BANDARAYA ini di mana KONTRAKTOR juga tertakluk kepada Jadual tersebut. Penguasa MAJLIS BANDARAYA ini akan memeriksa dari semasa ke semasa sama ada kerja yang telah dijalankan mengikut Jadual atau tidak.

7. ARAHAN DARI SEMASA KE SEMASA

- 7.1 KONTRAKTOR dari semasa ke semasa mesti mengikuti apa-apa arahan Penguasa MAJLIS BANDARAYA ini bersabit dengan kerja-kerja pembersihan / pencucian dan penyelenggaraan dalam kawasan kontrak ini. Ini adalah penting bagi menjamin atau memastikan hasil kerja yang cemerlang.

8. PERUBAHAN DAN PENGURUSAN KERJA

- 8.1 Dalam tempoh kontrak ini, MAJLIS BANDARAYA ini pada bila-bila masa berhak menambah mana-mana kawasan kerja kontrak dan KONTRAKTOR adalah mesti menyelenggarakannya sebagai kerja-kerja tambahan. Semua kos atau kadar bayaran akan dibuat mengikut Jadual Kadar Harga yang telah dipersetujui.
- 8.2 Dalam tempoh kontrak ini juga, MAJLIS BANDARAYA ini pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai, berhak menambah bilangan pelbagai jenis kerja yang berkenaan atur skop kerja dalam mana-mana kawasan kerja kontrak dan KONTRAKTOR mestilah melaksanakannya sebagai kerja harian. Semua kos atau kadar bayaran akan dibuat mengikut Jadual Kadar Harga yang telah dipersetujui.

9. CARA DAN WAKTU BEKERJA

- 9.1 Waktu bekerja bagi para pekerja KONTRAKTOR adalah waktu bekerja biasa sepertimana yang diamalkan oleh MAJLIS BANDARAYA ini.
- 9.2 Penyelenggaraan kontrak mesti bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 11.00 malam pada setiap hari kecuali di bahagian atau ruang yang berkunci yang mana perlu dilakukan pada waktu pejabat atau pada masa yang sesuai selepas berunding dengan pegawai berkenaan dari MAJLIS BANDARAYA ini.
- 9.3 Jika terdapat permohonan daripada mana-mana pihak bagi sebarang urusan di kawasan kerja kontrak, maka sebelum sesuatu aturcara / program bermula, KONTRAKTOR adalah mesti menguruskan kerja-kerja persiapan (persediaan) yang diperlukan sepertimana yang akan diarahkan oleh Penguasa MAJLIS BANDARAYA ini atau mana-mana pegawai yang berkenaan. Sekiranya persiapan yang diperlukan bagi maksud permohonan tersebut jatuh pada hari Ahad atau Kelepasan Am, maka tindakan yang mesti diambil oleh KONTRAKTOR adalah sama sebagaimana yang telah dinyatakan di atas.
- 9.4 Berdasarkan fasal-kecil 9.3 di atas, kerja-kerja pembersihan dan pencucian mesti dijalankan dengan kadar segera (tanpa bertangguh) iaitu sebaik sahaja selepas sesuatu aturcara berakhir.
- 9.5 Merujuk kepada fasal-kecil 9.3 juga, KONTRAKTOR adalah mesti mengadakan pekerja *stand by*, bagi memberi perkhidmatan tersebut secara *on the spot* sebagaimana yang diarahkan atau diperlukan oleh Penguasa MAJLIS BANDARAYA ini atau lain-lain pegawai yang diberi kuasa olehnya.

10. PEKERJA-PEKERJA KONTRAKTOR

- 10.1 Jumlah pekerja yang akan digunakan termasuklah pembahagian pekerja lelaki dan wanita bagi mengendalikan kerja-kerja kontrak ini.
- 10.2 KONTRAKTOR adalah dinasihatkan supaya menyediakan jumlah para pekerja yang sesuai dengan beban kerja yang akan ditanggung oleh mereka.
- 10.3 KONTRAKTOR yang berjaya dalam tawaran SEBUTHARGA ini adalah mesti menyerahkan kepada Penguasa MAJLIS BANDARAYA ini senarai nama pekerja yang akan ditugaskan mengikut tingkat bangunan dan kawasan kerja kontrak.
- 10.4 KONTRAKTOR adalah dengan ini mesti menyediakan pakaian seragam untuk semua pekerja mereka yang bekerja di dalam kontrak ini. Langkah ini bagi memudahkan MAJLIS BANDARAYA ini berurusan dengan para pekerja terbabit.
- 10.5 MAJLIS BANDARAYA tidak membenarkan pekerja asing yang tidak mempunyai dokumen lengkap dan tidak mengiktiraf sebagai pekerja kontrak.
- 10.6 Semua pekerja KONTRAKTOR yang terlibat dalam perkhidmatan ini adalah pada setiap masa dan ketika, tertakluk kepada peraturan-peraturan yang sedang digunapakai dan berkuatkuasa di MAJLIS BANDARAYA ini dan dengan ini juga KONTRAKTOR hendaklah mengambil perhatian serius.
- 10.7 KONTRAKTOR juga mesti menambah bilangan para pekerjanya yang mencukupi. Penguasa MAJLIS BANDARAYA ini boleh meminta supaya ditambah bilangan pekerja yang sedia ada untuk menjalankan kerja-kerja kontrak. Akan tetapi, ianya tertakluk kepada arahan atau surat rasmi daripada Penguasa MAJLIS BANDARAYA ini.

- 10.8 KONTRAKTOR adalah mesti memastikan bahawa tiada sebarang bentuk gangguan kepada pengguna/penghuni semasa kerja-kerja di semua tempat sedang dijalankan oleh para pekerja mereka.
- 10.9 Semua pekerja yang menjalankan perkhidmatan atau kerja kontrak ini mestilah sentiasa bercermat dan berhati-hati supaya tidak melakukan sebarang bentuk kerosakkan atau kemusnahan ke atas harta benda milik MAJLIS BANDARAYA ini. Sehubungan dengan ini, KONTRAKTOR dari semasa ke semasa mesti mengingatkan para pekerja mereka tentang peraturan tersebut dan mengambil tanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang pelanggaran peraturan yang telah ditetapkan.

11. PENGAWASAN WAKIL KONTRAKTOR

- 11.1 Bagi maksud kesempurnaan dan kelicinan perjalanan kerja-kerja dalam kontrak ini, KONTRAKTOR adalah mesti melantik atau menyediakan seorang Penyelia yang berkebolehan / berkemampuan untuk berhubung dengan Penguasa, di mana ia boleh bertindak sebagai wakil kepada KONTRAKTOR dalam membuat apa-apa keputusan.
- 11.2. Semua arahan / aduan Penguasa MAJLIS BANDARAYA ini kepada penyelia, adalah dianggap sebagai telah disampaikan dengan jelas kepada KONTRAKTOR.
- 11.3. Penyelia mesti melaporkan diri kepada Penguasa MAJLIS BANDARAYA ini pada setiap hari bekerja untuk mengemukakan jadual kedatangan harian pekerja, jadual pusingan kerja, laporan kerja harian dan juga bagi menerima teguran atau arahan baru atau kedua-duanya sekali.
- 11.4 Pemilik atau wakil syarikat adalah diwajibkan untuk menghadiri mesyuarat bulanan bersama Jabatan atau mesyuarat lain yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa.

12. LAWATAN, PEMERIKSAAN DAN PEMANTAUAN

- 12.1 Lawatan ke kawasan-kawasan kerja kontrak akan dibuat secara bersama oleh Penguasa MAJLIS BANDARAYA ini dan KONTRAKTOR atau wakilnya di mana ianya akan dilakukan sekurang-kurangnya 1 KALI SEMINGGU bagi tujuan pemeriksaan, pemantauan dan pengesahan utama.
